

RCI Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan

Penubuhan rungkai status pemilikan Kesultanan Johor ke atas Singapura

● Sebelum 2 Ogos 1824, Singapura berada di bawah kedaulatan Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga dan termasuk dalam hak milik wilayah serta pungutan cukai Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman

● Keabsahan Perjanjian 1824 itu boleh dipertikai kerana Sultan Husain diangkat oleh Inggeris sedangkan Sultan Abdul Rahman masih sah bertakhta mengikut adat Melayu



Oleh Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri seperti dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali, kelmarin, mengenai penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi mengkaji pengendalian kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan amat wajar kerana terdapat isu masih belum diberi pertimbangan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Isu itu ialah status pemilikan Kesultanan Johor terhadap Singapura berbangkit daripada Perjanjian bertarikh 2 Ogos 1824 antara Sultan Husain Muhammad Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman dengan Kerajaan British.

Sebelum 2 Ogos 1824, Singapura berada di bawah kedaulatan Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga dan termasuk dalam hak milik wilayah serta pungutan cukai Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman.

Dalam Perjanjian 1824 itu juga terdapat batasan kepada wilayah perairan Singapura, iaitu setakat 10 batu dari pantainya sahaja.

Justeru, RCI juga perlu diberikan mandat untuk turut menyiasat keabsahan Perjanjian 2 Ogos 1824 dan mengemukakan pandangan terhadap hak milik Kesultanan Johor diwarisi Kerajaan Johor sekarang terhadap tanah seluas Singapura pada hari ini.

Ini kerana bukan sahaja pelantikan Tengku Husain sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga atau Sultan Johor pada 6 Februari 1819 oleh Thomas Stamford Raffles tidak mengikut adat Melayu, malah menurut Gabenor Murchison, kedudukan Sultan Husain sebagai Sultan Johor tidak pernah diakui oleh Negeri Melayu lain serta tidak pernah menikmati apa-apa hasil di Johor dan menjalankan kegiatan politik.

Gabenor Butterworth dalam laporannya kepada Kompeni Inggeris di Benggala merumuskan Sultan Husain hanyalah 'tokoh boneka' diangkat Raffles untuk mendapatkan hak terhadap Singapura demi kepentingan Inggeris. Beliau sebaliknya menegaskan hanya Temenggong Ibrahim Seri Maharaja yang sempurna dilantik mengikut adat istiadat Melayu.

Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga yang sah dilantik ketika itu ialah Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah. Inggeris sen-

diri mengakui kedudukan Sultan Abdul Rahman sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga.

Ini dibuktikan dalam Perjanjian 19 Ogos 1818, antara William Farquhar dengan Yam Tuan Muda Raja Ja'afar dimaktubkan 'Dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seri Sultan Abdul Rahman Shah, Yang di-Pertuan Kerajaan Johor-Pahang dan daerah-daerah takluknya.'

Belanda turut mengiktiraf kedudukan Sultan Abdul Rahman dalam perjanjian bertarikh 26 November 1818.

Muslihat Inggeris dapatkan Singapura

Kegagalan Inggeris memajak Singapura sebagai pelabuhan baharu menggantikan Kota Melaka yang perlu diserahkan kembali kepada Belanda pada 21 September 1818 mengundang kemarahan Raffles, Leftenan-Gabenor Kompeni Inggeris ketika itu sehingga beliau merencanakan muslihat untuk mendapatkan Singapura.

“Dalam Perjanjian 1824 itu juga terdapat batasan kepada wilayah perairan Singapura, iaitu setakat 10 batu dari pantainya”

Mengikut adat Melayu, Yang di-Pertuan Besar memegang kedaulatan dan berkedudukan lebih tinggi daripada pemerintah wilayah. Terdapat prerogatif yang hanya dimiliki Sultan Yang di-Pertuan Besar seperti menjadi ketua pemerintah kesultanan dan agama Islam; mengabsahkan adat Melayu sebagai undang-undang; menentukan hubungan diplomatik; mengisytiharkan perang; memuktakan hak kewilayahan; memperkenankan hukuman bunuh dan hak kesultanan lain seperti penganugerahan dan kurniaan.

Selepas berjaya memberi tekanan kepada Temenggong Abdul Rahman untuk memasuki perjanjian sementara pada 30 Januari 1819, Raffles menyusun perjanjian kedua pada 6 Februari 1819 selepas Tengku Husain diangkat dengan gelaran Sultan Husain Muhammad Shah pada hari sama.

Pemasyhuran itu dibacakan Encik Yahya, iaitu jurutulis William Farquhar. Perjanjian 1819 ditandatangani dengan Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman untuk membolehkan Inggeris me-

nguasai penempatan dan membina loji di Singapura.

Selepas berjaya meletakkan pengaruh di Singapura, Inggeris meneruskan muslihat sehingga Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman terdesak dipengaruhi masalah kewangan untuk memasuki Perjanjian 2 Ogos 1824 bagi maksud penyerahan Singapura kepada Kerajaan Inggeris.

Keabsahan Perjanjian 1824 itu boleh dipertikai kerana Sultan Husain diangkat oleh Inggeris sedangkan Sultan Abdul Rahman masih sah bertakhta mengikut adat Melayu. Meskipun Singapura sepanjang tempoh 1819 hingga 1830 berada dalam wilayah pemerintahan dan pungutan cukai Temenggong Abdul Rahman, penyerahan wilayah tidak boleh dilakukan tanpa perkenan Yang di-Pertuan Besar Sultan Abdul Rahman.

Meskipun terdapat Perjanjian Inggeris-Belanda bertarikh pada 17 Mac 1824 bertujuan membahagikan wilayah pengaruh politik antara Inggeris dengan Belanda, ia tidak secara automatik mempunyai kesan perundangan terhadap Yang di-Pertuan Besar Sultan Abdul Rahman yang tidak terlibat menandatangani.

Hanya pada 29 Oktober 1830, Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga terubur implikasi perjanjian antara Sultan Abdul Rahman dengan Residen Riau, wakil Kerajaan Belanda. Petikan penting Perjanjian 29 Oktober 1830: "Perjanjian 17 Mac 1824 ini di London, antara Yang di-Pertuan Besar atas Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar atas Great Britain dan Ireland, kerana sebab Perjanjian itu, jadi Johor dan Pahang, tiada lagi di bawah Yang di-Pertuan Besar Lingga. Maka pada sekarang ini perjanjian yang lama, yang dibuat oleh Governmen Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar Johor dan Pahang dan Riau dan Lingga dan segala takluknya itu, tiadalah boleh dipakai begitu".

Dengan berkuatkuasanya Perjanjian 1830, maka pemerintah Johor dan Pahang terpisahkan daripada Riau-Lingga. Pemerintah Johor dan Pahang memperoleh kedaulatan untuk berkerajaan sendiri lantaran berstatus sebagai Yang di-Pertuan Besar dalam wilayah masing-masing seperti diwarisi Sultan Johor dan Sultan Pahang pada hari ini.

Isu keabsahan Perjanjian 2 Ogos 1824 menimbulkan kausa tindakan oleh Kerajaan Johor di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim Iskandar melalui Kerajaan Persekutuan atas kepentingan terhadap wilayah tanah dan perairan Singapura. Pada hari ini, peranan RCI akan dilihat lebih berwibawa jika sekiranya terma itu dimasukkan sama dalam penubuhannya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH